NEW COMPETENCY PROGRAM !

OSHvisis

# OSH-Coordinator Competency Program (Topik 3)

Department of Occupational Safety and Health

# OSH Coordinator

Competency Program




OSHisis SOLUTION

# TOPIK 3

## ASAS PENGURUSAN IKS

# TOPIK PERBINCANGAN

1. Kewajipan membentuk Dasar Keselamatan dan Kesihatan (Seksyen 16, AKKP)
2. Penubuhan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (Seksyen 30, AKKP)
3. Pemberitahuan Kemalangan (Seksyen 32,  AKKP)
4. Penyediaan Pelan Tindakan Kecemasan

# Penilaian Asas dalam Pengurusan KKP

- Pendaftaran JKKP (JKKP)

## Pendaftaran Kilang/Loji:

- Pastikan kilang atau loji berdaftar dengan JKKP.

## Pendaftaran Pembinaan:

- Daftar semua aktiviti pembinaan di bawah JKKP.

## Pematuhan Jentera/mesin:

- Pastikan jentera, seperti pengandung tekanan (air compressor), peralatan mengangkat dan mesin angkat, memenuhi peraturan OSH.

## Tempat Kerja Lain:

- Ikuti garis panduan yang berkaitan untuk mendaftarkan tempat kerja di sektor lain (TKLS).

# Penilaian Asas dalam Pengurusan KKP

- Pematuhan Umum Tempat Kerja

**Dasar KKP:**

- Mempunyai polisi OSH yang didokumenkan.

**Penilaian Risiko:**

- Menjalankan dan mendokumentasikan penilaian risiko. (Akan di terangkan dalam Modul 7)

**Penilaian Risiko Kebisingan:**

- Lakukan penilaian risiko bunyi bising jika hasil keputusan pengenalpastian (kendiri) menyatakan ianya perlu, atau melakukan proses pengenalpastian tahap kebisingan setiap tahun jika NRA tidak diperlukan.

**Latihan KKP:**

- Menyediakan latihan KKP tetap untuk semua pekerja.

**Tempat Kerja Selamat:**

- Pastikan lantai bersih, laluan pejalan kaki bersih dan pastikan langkah keselamatan untuk lubang, tangga dan tangga. Laksanakan sistem kerja yang selamat, terutamanya untuk kerja di tempat berisiko

# Penilaian Asas dalam Pengurusan KKP

- Pematuhan Tambahan untuk Tempat Kerja dengan Jentera

Pastikan jentera mempunyai ciri keselamatan seperti pelindung atau pagar.

Menyediakan alat pelindung diri (PPE) kepada pekerja.

Menediakan kit tumpahan yang sesuai untuk potensi bahaya.

# Penilaian Asas dalam Pengurusan KKP

- Pematuhan Tambahan untuk Tempat Kerja Mengendalikan Bahan Kimia

**Wujudkan sistem kerja yang berkesan untuk;-**

- Operasi pengendalian bahan kimia, dan
- Pengurusan sisa buangan berjadual.

# DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN



# DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

- 3 Komponen Utama Dasar KKP iaitu :
  - – Kenyataan Dasar Am
  - – Organisasi
  - – Perkiraan

# DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

**3 Komponen Utama Dasar KKP : Kenyataan Dasar Am**

A — Kenyataan Dasar Am

B — Organisasi

C — Perkiraan



# DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

1. Nama Syarikat
2. Komitmen serta tanggung jawab majikan dan pekerja - dalam penyediaan tempat kerja yang selamat dan sihat
3. Bertanda tangan dan bertarikh
4. Bertulis

ABC (Malaysia) Sdn. Bhd.
DASAR KESELAMATAN DAN KESIHATAN

ABC berkewajipan dan mempunyai tanggungjawab yang asasi untuk menentukan semua pekerja-pekerjanya bekerja di dalam suasana yang sihat dan selamat. Kami akan mematuhi semua peraturan dan undang-undang keselamatan dan kesihatan serta mengambil segala langkah untuk mencegah kecederaan dan penyakit yang berkaitan dengan pekerjaan.

Adalah menjadi dasar ABC untuk:-
i.Menyedia dan memelihara suasana amalan kerja yang bersih dan selamat untuk semua pekerja kami,
ii.Merumus dan menguatkuasakan amalan kerja yang selamat serta memberi latihan kepada pekerja-pekerja berhubung dengan perkara ini, serta
iii.Mempertanggungjawabkan semua pengurus bagi mencapai matlamat ini.

Setiap pekerja adalah penting di dalam program Keselamatan dan Kesihatan syarikat dan kami mahu penglibatan mereka yang sepenuhnya terhadap matlamat-matlamat ini, dengan melaporkan keadaan-keadaan yang tidak selamat dan sihat di tempat kerja.

Perlaksanaan amalan keselamatan dan kesihatan yang sempurna untuk melindungi kakitangan syarikat adalah keperluan yang amat penting bagi kejayaan sepenuhnya perusahaan kita.

Dasar ini memperkukuhkan, dan tidak sekali memansuhkan dasar-dasar yang sedia ada berkaitan dengan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar.

_______________

( ZAFARY B. HUSIN )
Pengarah Urusan 12hb. Ogos 2013

Contoh

# ORGANISASI

a. Carta organisasi syarikat
b. Lantik PIC dan tugasannya
c. Memberi tanggungjawab & akauntabiliti. Contoh : JKK, ERT, First aider



## PENGUKURAN

# Rancang program KKP



# Contoh Prosedur Kerja Selamat



Prosedur kerja selamat
CUTTING MACHINE

SEBELUM
Pastikan pekerja menggunakan pelindung mata
Pastikan tempat kerja kemas dan teratur
Pastikan kabel elektrik dalam keadaan yang baik dan tidak koyak
Pastikan pekerja tahu kedudukan suis kecemasan
Pastikan suis kecemasan berfungsi
Pastikan bahagian yang berputar di hadang
Pastikan pisau pemotong dalam keadaan baik dan tidak retak.

SEMASA
Pastikan kedudukan pekerja semasa memotong sesuai dan tidak membahayakan diri.
Pastikan besi yang hendak dipotong diikat dengan sempurna.
Pastikan besi yang telah siap dipotong, diletakkan di tepi dan tidak menghalang laluan kerja.
Berhati-hati dengan mata pisau yang berputar
Jika sekiranya terdapat kemungkinan bahaya akan berlaku, sila maklumkan kepada orang yang ditugaskan.
Jangan bermain semasa menjalankan tugas.
Ambil perhatian semasa memotong.

SELEPAS
Pastikan tempat kerja kemas dan teratur.
Sisa-sisa buangan hendaklah dibuang di tempat yang sesuai.
Pastikan mesin telah berhenti sepenuhnya sebelum meninggalkan mesin.
Pastikan mesin tidak mengakibatkan kecederaan terhadap orang lain yang akan menggunakan mesin berkenaan.

Tandatangan: Tarikh:

# CONTOH PROGRAM LATIHAN

| Bil | Aktiviti | Tarikh | Pic | Kumpulan Sasaran | Catatan |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Penerangan berkaitan Perundangan KKP | 12 Jan 2017 | Pn Norlin | Semua Pekerja | Perunding |
| 2 | Latihan Mengendalikan Jentera | 7 Feb 2017<br><br>7 Apr 2017 | En Ahmad | Pekerja terlibat | Penyelia |
| 3 | Latihan Penggunaan PPE | **1** Mei 2017 | Cik Nor | Operator | Pembekal PPE |
| 4 | Latihan Penggunaan &Pengendalian Bahan Kimia | 8 &9 Jun 2017 | Hj Salleh | Pekerja terlibat | Perunding |
| 5 | Latihan Penggunaan Alat Pemadam Api | 20 Okt 2017 | En Siva | Semua Pekerja | Pembekal |

# Contoh gambar-gambar program berkaitan kebajikan





# 4 LANGKAH ASAS UNTUK LAKSANA DASAR KKP

**01**
Rumus dan tulis kenyataan umum

**02**
Penyediaan Dasar KKP

**03**
Beritahu dan Hebahkan

**4**
Semakan semula (Jika Perlu)

# JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (JKK) / SAFETY TEAM

# APA ITU JKK?

## Jawatankuasa

Satu jawatankuasa ditubuhkan di tempat kerja yang di pengerusi oleh pengurus dan anggotanya adalah wakil majikan dan wakil pekerja

## Berunding

Perundingan antara majikan dan pekerja

## Bincang

Membincangkan isu-isu berkaitan KKP di tempat kerja

## Bantu

Membantu majikan memastikan tempat kerja selamat




## Peruntukan undang-undang

Tertakluk di bawah Seksyen 30, AKKP 1994 dan Peraturan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

# MEWUJUDKAN JKK

01 Pastikan pekerja 40 orang atau lebih

02 Melantik Pengerusi - Pengurus

03 Melantik Setiausaha

04 Melantik Wakil Majikan

2 Orang – 40 ke 100 pekerja
4 orang – lebih 100 pekerja

05 Melantik Wakil Pekerja

2 Orang – 40 ke 100 pekerja
4 orang – lebih 100 pekerja

# CARTA ORGANISASI JKK

Bagi tempat kerja mempunyai jumlah pekerja minimum **40 hingga 100** orang



# CARTA ORGANISASI JKK

Bagi tempat kerja mempunyai jumlah pekerja **<u>minimum 101 orang</u>**



# CARTA ORGANISASI SAFETY TEAM

Bagi tempat kerja mempunyai jumlah pekerja **kurang 40** orang



# PERANAN JKK

**A** Menjalankan mesyuarat

Menjalankan fungsi JKK **B**

# MENJALANKAN MESYUARAT

Menetapkan jadual mesyuarat, iaitu setiap 3 bulan, sekali

Menetapkan agenda mesyuarat

Menyediakan minit mesyuarat

# CONTOH AGENDA MESYUARAT JKK

Agenda Mesyuarat

- **01** Ucapan pengerusi
- **02** Perkara-perkara berbangkit
- **03** Kaji semula kemalangan (accident review)
- **04** Laporan pemeriksaan keselamatan
- **06** Hal-hal lain
  - ✓ Cadangan program KKP yang ingin dilaksanaka
  - ✓ Cadangan Latihan
  - ✓ Cadangan prosedur kerja

MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN (BIL no/ tahun)
Tarikh:
Masa:
Tempat:

KEHADIRAN

HADIR

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

UCAPAN PENGERUSI

PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

KAJI SEMULA KEMALANGAN DI TEMPAT KERJA

LAPORAN PEMERIKSAAN TEMPAT KERJA

CADANGAN PEMBAIKAN

TINDAKAN PEMBAIKAN YANG DIAMBIL

HAL-HAL LAIN

Cadangan program KKP yang ingin dilaksanakan
Cadangan latihan
Cadangan prosedur kerja

TARIKH MESYUARAT AKAN DATANG

Contoh minit mesyuarat



SURAT LANTIKAN AHLI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Syarikat ABC Sdn Bhd
(Alamat)

Tarikh :

Perkara : Surat Perlantikan Sebagai Ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi Syarikat ABC Sdn Bhd

Sukacita dimaklumkan Encik …………………………….telah dilantik sebagai wakil majikan / wakil pekerja bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan syarikat ini berkuatkuasa pada tarikh …………..

Diharap dengan perlantikan ini, Encik …………………………………….dapat memberikan sepenuh komitmen dan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas yang diberikan dengan jayanya.

Sekian terima kasih.

(misi syarikat)

Yang benar,

Diterima oleh:

……………………… …………………………

(nama) (nama ahli yang dilantik)

Pengarah (jawatan)

(nama syarikat) (nama syarikat)

Surat lantikan ahli JKK

Syarikat ABC Sdn Bhd

(Alamat)

Tarikh :

PERKARA : JEMPUTAN MENGHADIRI MESYUARAT JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN(JKK) SYARIKAT ABC SDN BHD

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Tuan/puan adalah dijemput untuk menghadiri mesyuarat JKK yang akan diadakan seperti butiran berikut:

Tarikh:

Masa:

Tempat:

Untuk makluman agenda mesyuarat adalah seperti berikut:

- Ucapan pengerusi
- Perkara-perkara berbangkit
- Laporan kemalangan (Accident Review)
- Laporan aduan
- Laporan pemeriksaan
- Hal-hal lain
  - Cadangan program kkp yang ingin dilaksanakan
  - Cadangan latihan
  - Cadangan prosedur kerja

Kehadiran tuan/puan ke mesyuarat ini adalah amat penting dalam memastikan mesyuarat berjalan dengan lancar dan berkesan. Kerjasama daripada pihak tuan/puan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian terima kasih.

(misi syarikat)

| Yang benar, | Diterima oleh: |
|---|---|
| .......................................... | ............................................. |
| ... (nama) | ... (nama ahli yang dilantik) |
| Pengarah | (jawatan) |
| (nama syarikat) | (nama syarikat) |

Contoh surat jemputan mesyuarat dan agenda mesyuarat.

# FUNGSI JKK

01 Membantu mewujudkan Prosedur Kerja Selamat (SOP)

02 Mengkaji semula keberkesanan Program KKP

03 Analisa kejadian kemalangan

04 Mengkaji semula Dasar Keselamatan dan Kesihatan

05 Menjalankan pemeriksaan tempat kerja – laporkan

06 Siasat kejadian kemalangan dan laporkan

07 Siasat aduan dalaman dan luaran

# GAMBAR AKTIVITI JKK






Program latihan kepada pekerja

# GAMBAR AKTIVITI JKK



Program kempen KKP



Pemeriksaan tempat kerja

# GAMBAR AKTIVITI JKK



Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan

# PELAPORAN KEMALANGAN

# Kemalangan akan mengakibatkan







**MAUT**

Maut atau hilang upaya kepada individu

**BEBAN**

Beban kepada keluarga

**REPUTASI**

Menjejaskan imej organisasi

**HARTA**

Kerosakan harta benda

# KEMALANGAN

.....suatu kejadian tidak dirancang yang menyebabkan kecederaan kepada seseorang atau kerosakan harta benda



# JENIS-JENIS KEMALANGAN

Kemalangan di tempat kerja

- Terkena objek tajam
- Dilanggar jentera
- Terbakar & Letupan








# JENIS-JENIS KEMALANGAN

**Kemalangan di tempat kerja**

- Kejutan eletrik
- Lemas (air / udara)
- Terhidu gas / habuk / wap beracun









# JENIS-JENIS KEMALANGAN

**Kemalangan di tempat kerja**

- Tertimbus
- Terpercik bahan kimia
- Tegasan haba
- Getaran
- Kebisingan











# KEMALANGAN AKIBAT KECUAIAN DAN JENTERA TIADA PERALATAN KESELAMATAN YANG SECUKUPNYA







# KEMALANGAN DISEBABKAN LITAR PINTAS





# KECEDERAAN ANGGOTA BADAN YANG SERIUS





# TINDAKAN OLEH MAJIKAN JIKA BERLAKU KEMALANGAN / KEJADIAN BERBAHAYA / PENYAKIT / KERACUNAN



# 10 Langkah Panduan Penggunaan Sistem MyKKP untuk Pelaporan Kemalangan



## 1

### DAFTAR SEBAGAI PENGGUNA MYKKP

1. Tujuan untuk mendapatkan ID Pengguna & Kata Laluan anda di MyKKP.
2. Emel verifikasi akan dihantar ke alamat emel yang telah diberi.
3. ID & Kata Laluan adalah milik individu, bukan milik pihak syarikat.
4. Pendaftaran pengguna MyKKP hanya boleh dibuat sekali sahaja.
5. Pastikan ID & Kata Laluan tidak diberikan kepada orang lain untuk membuat sesuatu permohonan.

## 2

### PILIHAN KATEGORI PERMOHONAN

1. Log Masuk.
2. Menu Utama (Pemberitahuan Kemalangan dan Aduan).
3. Pilih kategori Pemberitahuan Kemalangan.
4. Permohonan Pemberitahuan Kemalangan (JKKP 6)
5. Klik butang seterusnya.

Dokumen Panduan Untuk Dimuat Turun

- JKKP 8
- Pemberitahuan Kemalangan
- Pemberitahuan Aduan

## 3

### PROSES PERMOHONAN

1. Proses pelaporan oleh JKKP Negeri.
2. Tindakan pelaporan bagi kemalangan maut dalam tempoh 24 jam.
3. Pelaporan oleh pihak majikan atau wakil majikan.
4. Pelaporan perlu dibuat dalam masa 7 hari daripada tarikh kemalangan dan mendapat cuti sakit melebihi 4 hari.

Klik untuk dapatkan panduan SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MALAYSIA (MyKKP)

# PELAN TINDAKAN  KECEMASAN

# APA ITU KECEMASAN

**Kemalangan**

Satu keadaan yang boleh menyebabkan gangguan kepada manusia, kerosakan harta benda atau kehilangan proses

**Kecemasan**

Satu keadaan berbahaya atau serius yang berlaku secara tiba-tiba dan memerlukan tindakan segera bagi mengelakkan kesan yang berpanjangan

**Bencana**

Satu peristiwa secara tiba-tiba seperti kemalangan atau bencana semula jadi yang menyebabkan kerosakan besar atau kehilangan nyawa

# KECEMASAN



Banjir

Ribut taufan



Tanah runtuh

Tsunami

Kebakaran

Kepanasan melampau



# KEADAAN KECEMASAN - GABUNGAN SEMULA JADI DAN TEKNOLOGI

LETUPAN

RUNTUHAN BANGUNAN




TUMPAHAN CECAIR MUDAH TERBAKAR

KEBOCORAN BAHAN TOKSIK

PELEPASAN AGEN BIOLOGI BERBAHAYA/ BAHAN TOKSIK

PENDEDAHAN BAHAN RADIASI

KEHILANGAN KUASA ELEKTRIK

KEHILANGAN BEKALAN AIR

PUTUS PERHUBUNGAN KOMUNIKASI

ALAM SEKITAR TERJEJAS



# KESAN BENCANA



Bencana meragut ratusan ribu nyawa setiap  tahun.

Setiap kejadian menyebabkan kesan yang  berpanjangan kepada manusia, harta benda dan alam sekitar.

# BENCANA ALAM



# BENCANA / MUSIBAH



# MENGAPA BERSEDIA UNTUK KECEMASAN

**Tidak terjangka**

Ianya berlaku bila-bila masa, tidak dijangka- tindakan perlu seberapa segera

**Krisis**

Akan membawa kepada krisis dan huru-hara

**Impak**

Semua orang termasuk orang awam akan terjejas

**Perundangan**

Keperluan perundangan / peraturan – e.g. CIMAH, “Tanggungjawab Menjaga” (Responsible care) ISO 14001, ISO 45001, dll.

# OBJEKTIF PELAN TINDAKAN KECEMASAN

**Menyelamat nyawa**
- Keutamaan menyelamat dan rawatan awal
- Operasi menyelamat tidak mendatangkan risiko

**Menyelamat peralatan, harta dan reputasi**

**Melindungi orang awam dan persekitaran**

Keperluan baharu dalam OSHA, Seksyen 15 (f) pembangunan dan pelaksanaan prosedur untuk menangani kecemasan yang mungkin timbul semasa pekerjanya sedang bekerja."

# PELAN LALUAN KECEMASAN



# CONTOH SENARAI NOMBOR KECEMASAN

## SENARAI NOMBOR KECEMASAN

### TALIAN KECEMASAN UMUM

| | |
|---|---|
| POLIS | 999 |
| BOMBA | 999 |
| AMBULANS | 999 |
| JPA 3 | 999 |
| PUSAT RACUN NEGARA | 04 - 657 0099 / 012 - 430 9499 |

(POLIS, BOMBA, AMBULANS, JPA 3) H/P- 999

### TALIAN KECEMASAN DALAMAN ( UTM)

| | |
|---|---|
| PUSAT KESIHATAN UTM | 07 - 55 30999 |
| UNIT KESELAMATAN | 07 - 55 30014 |
| UNIT PERSEKITARAN KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN | 07 - 55 30305 30313 / 30540 30451 |

### TALIAN KECEMASAN SEKITAR UTM

| | |
|---|---|
| **POLIS** | |
| Balai Polis Tmn. Universiti | 07 - 520 3129 |
| Balai Polis Skudai | 07 - 556 1222 |
| Balai Polis Kangkar Pulai | 07 - 527 1255 |
| Balai Polis Pekan Nenas | 07 - 699 1222 |
| Balai Polis Senai | 07 - 599 1222 |
| **BOMBA** | |
| Balai Bomba Larkin | 07 - 224 3444 |
| Balai Bomba Pekan Nenas | 07 - 699 4444 |
| Balai Bomba Kulai | 07 - 663 4444 |
| **HOSPITAL** | |
| Hospital Sultanah Aminah | 07 - 223 1666 |
| Hospital Kulai | 07 - 662 3333 |
| Hospital Sultan Ismail | 07 - 356 5000 |
| Puteri Specialist Hospital | 07 - 225 3222 |
| Johor Specialist Hospital | 07 - 225 3000 |

http://web.utm.my/osha/

# KESIMPULAN

1)

Setiap Industri perlu memastikan pematuhan kepada perundangan KKP

2)

Bagi IKS keperluan berikut perlu diberi keutamaan :-

- Penyediaan Dasar K & K
- Penubuhan JKK / Safety Team
- Pelaporan kemalangan
- Penubuhan ERT

# Terima Kasih

OSHISIS Solution